

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**PENGENAAN PREMIUM DAN LAIN-LAIN SYARAT PEMILIKAN DI BAWAH
KUASA SEKSYEN 14 KANUN TANAH NEGARA KEPADA
TENAGA NASIONAL BERHAD**

1. Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 4 Tahun 2024 yang bersidang pada 13hb Mac 2024 dan susulan keputusan Majlis Tanah Negara ke 80 berhubung dasar pelupusan tanah bagi kemudahan talian penghantaran elektrik bervoltan tinggi, pencawang masuk utama (PMU) dan pencawang pembahagi utama (PPU) di bawah Tenaga Nasional Berhad.
2. Pengeunaan premium dan lain – lain syarat pemilikan kepada Tenaga Nasional Berhad bagi kemudahan talian penghantaran elektrik bervoltan tinggi, pencawang masuk Utama (PMU) dan Pencawang Pembahagi Utama (PPU) di bawah Tenaga Nasional Berhad adalah sebagaimana berikut:-
 - 2.1. Bayaran premium adalah berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bilangan 8/2017. Kadar peratusan (%) yang dikenakan daripada harga pasaran (berdasarkan kepada nilai pengambilan mengikut formula seperti Kaedah 10 Kelantan Land Rules 1966).

Kelulusan Tanah Yang Akan Diberimilik Selepas Pengambilan	Peratusan (%)
a) 1.6187 hektar (4 ekar) atau kurang	5-7
b) 1.6191 hektar (4.001 ekar) atau lebih	10

2.2. **Contoh Pengiraan (Pekeliling PTG 8/2017)**


Contoh pengiraan bagi kos pengambilan RM 100,000.00 :

$$-1\% \times (\text{RM } 100,000.00) \times 7\% \times 66 \text{ tahun (tempoh bermilik)} = \underline{\text{RM } 4,620.00}$$

- 2.3 Bayaran (fee) pengambilan balik juga melibatkan kos minima RM 10,000.00 bagi 10 pemilik terlibat dan tambahan mengikut jumlah pemilik terlibat seterusnya sebagaimana ditentukan di dalam Jadual Kedua-Fee (Kaedah 4) Kaedah-Kaedah Pengambilan Tanah 1998.
- 2.4 Tempoh pegangan berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 10/2021 iaitu **66 tahun** bagi kategori bangunan dan juga perusahaan.
- 2.5 Penetapan cukai pada kadar industri Berat iaitu RM0.70 / meter persegi (minimum RM400.00 / hakmilik) sebagaimana Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 2016.
- 2.6 Penetapan syarat nyata berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 4/2015 iaitu syarat nyata khas bagi kategori industri.
- 2.7 Penetapan Sekatan Kepentingan berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 5/1982 dengan pengubahsuaian sebagaimana berikut;

“Tanah yang terkandung di dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang urusan niaga melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri”

- 2.8 Pemberimilikan tanah kerajaan hasil pengambilan tanah yang dibiayai oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) berdasarkan ketetapan berikut;
- (i) Kaedah : Dipecahkan mengikut jajaran dan luas yang sesuai tertakluk kepada tanah tersebut di dalam mukim, pekan atau bandar yang sama;
 - (ii) Kategori : Industri;
 - (iii) Bayaran penyediaan dan pendaftaran hakmilik : mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Kelantan
- 2.9 Permit penggunaan atau kebenaran daripada pihak-pihak berkuasa untuk tanah rizab hutan.
- 2.10 Kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkaitan bagi tanah rizab Orang Asli.
- 2.11 Permohonan pajakan di bawah seksyen 63 KTN bagi tanah rizab Kerajaan Negeri.
- 2.12 Pajakan di bawah Perlembagaan Persekutuan bagi tanah Persekutuan.
3. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, D.P.S.K.(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM. Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.1/3/11 (39)

BERTARIKH : 28 Ogos 2024/23 Safar 1446H